



Headline: Macau Scam: Rakyat Malaysia akan dihantar pulang Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Malaysia

Section: Luar Negara

Date: 4 September 2018

Page: 11

Macau Scam: Rakyat Malaysia akan dihantar pulang

BANGKOK 3 Sept. - Sepuluh rakyat Malaysia yang ditahan polis Thailand dalam satu serbuan terhadap sindiket antarabangsa *Macau Scam* di Bangkok bulan lepas akan dihantar pulang ke negara asal dalam tempoh terdekat ini.

Perkara itu disahkan oleh penolong pegawai perhubungan awam Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Kedutaan Malaysia di Thailand, Supt. Ridzuan Abdul Aziz.

"Kesemua mereka akan dihantar pulang ke Malaysia dalam masa terdekat," katanya kepada *Bernama* hari ini dan menambah kata, persiapan sedang dilakukan untuk menghantar mereka pulang.

Pada masa ini, 10 suspek rak-

yat Malaysia itu ditahan di Pusat Tahanan Imigresen Suan Phlu di Bangkok sejak penangkapan mereka dalam satu operasi Polis Thailand pada 2 Ogos lepas.

Menurut Ridzuan, sindiket *Macau Scam* terbabit dipercayai mempunyai kaitan dengan warga Taiwan.

Kesemua rakyat Malaysia itu ditahan selepas rumah sewa dua tingkat mereka di daerah Prawet, berhampiran Bangkok diserbu oleh anggota polis Thailand dalam satu operasi khas pada lewat malam 2 Ogos lepas.

Menurut Polis Thailand, sindiket menggunakan Thailand untuk operasi tetapi menjadikan rakyat Malaysia sebagai sasaran utama

kegiatan penipuan mereka.

"Sindiket didalangi rakyat Malaysia dan Taiwan. Serbuan adalah hasil kerjasama antara Polis Thailand dan Polis Malaysia," menurut kenyataan Timbalan Polis Pelancong negara itu, Mejar Jeneral Surachet Hakpal sejurus selepas operasi itu.

Katanya, sindiket itu amat dikehendaki oleh polis Malaysia dan kejayaan operasi membuktikan kerjasama yang erat antara kedua-dua pasukan keselamatan itu.

Surachet berkata, sindiket mula menyewa rumah dua tingkat itu empat bulan lepas dan mereka dipercayai akan berpindah ke tempat lain sebelum kegiatan mereka terbongkar. - **BERNAMA**